AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : -
RUANGAN : KESIHATAN

CAJ PEMERIKSAAN KESIHATAN

Pelajar SBP dikecualikan

Bayaran RM1 bagi sekolah kelolaan Kementerian Pendidikan

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
cnews@nstp.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan memberi pengecualian kepada pelajar yang akan memasuki sekolah asrama penuh (SBP) kerajaan dengan bayaran pemeriksaan kesihatan RM1.

Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Dr Chen Chaw Min, berkata SBP kerajaan merangkumi sekolah kelolaan Kementerian Pendidikan atau mana-mana sekolah di bawah jabatan kerajaan yang lain, termasuk Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), Maktab Tentera Diraja (MTD) dan Sekolah Agama Kerajaan Negeri.

"Bagi pelajar sekolah swasta, caj pemeriksaan kesihatan akan dikenakan seperti orang awam, iaitu RM100 yang merangkumi pakej asas iaitu pemeriksaan fizikal, dan pemeriksaan air kencing asas (*urine FEME*) selaras X-ray dengan Perintah Fi (Perubatan) 1982," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Di **Seri Manjung**, Seorang lelaki yang mahu dikenali sebagai Al Khair, 38, mendakwa dimaklumkan perlu membayar RM111 untuk pemeriksaan kesihatan anaknya di Hospital Seri Manjung di sini, yang akan memasuki SBP, iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA).

"Saya terkejut apabila dimaklumkan perlu membayar RM111 untuk pemeriksaan kesihatan bagi memasuki sekolah berasrama penuh untuk anak sedangkan tahun lalu ketika membawa anak sulung bagi tujuan sama hanya perlu bayar RM1," katanya di sini, semalam.



***Status Facebook Al Khair** mengenai bayaran pemeriksaan kesihatan di hospital kerajaan.*

Perlu bayar RM111

Al Khair mendakwa dia pergi ke hospital pada Rabu lalu untuk membuat pemeriksaan kesihatan kerana anaknya akan memasuki SMKA Kerian yang turut membabitkan ujian darah, X-ray dan ujian air kencing.

"Kakitangan di kaunter memaklumkan perlu bayar RM111," katanya.

Al Khair yang juga penjawat awam kemudian bertanya kepada kakitangan di kaunter hospital berkenaan dan meminta bukti mengenai dakwaan pembayaran itu.

"Saya diberikan surat yang memaklumkan pembayaran itu. Saya sudah membuat pembayaran kemudian mengambil keputusan tidak membuat pemeriksaan kesihatan selepas memeriksa bayaran di klinik swasta hanya RM80.

"Kebetulan sistem ketika itu *down*, jadi mereka tidak memasukkan lagi data dan wang dikembalikan, sebab itu saya tiada resit bukti pembayaran. Rasa tak 'sedap' juga tiada bukti resit kerana sudah batalkan bayaran," katanya.

Berikutan masalah itu, katanya, pihak sekolah memutuskan supaya mereka membuat pemeriksaan kesihatan biasa dan anaknya akan mendaftar masuk ke sekolah itu, Selasa ini.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : ISU

Bebas asap rokok, vape & shisha

SAMBUTAN tahun baharu 2019 menjadi sejarah kepada perokok-perokok seluruh negara. Bermula 1 Januari, mereka dilarang merokok di restoran dan premis makanan. Bagi mereka yang berazam mahu berhenti merokok, inilah masa yang sesuai. Larangan itu mengikut pindaan pewartaan tempat makan di bawah Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT 2004), bertujuan melindungi orang awam terutama golongan bukan perokok daripada terdedah kepada bahaya asap rokok.

Oleh
RABIATUL ADAWIYAH
adawiyah80@gmail.com



Kementerian Kesihatan juga membuat pengumuman bahawa perokok hanya dibenarkan untuk merokok apabila jaraknya tiga meter atau 10 kaki dari restoran atau kedai makan. Pun begitu, rokok elektronik (vape) dan shisha tanpa nikotin tidak termasuk dalam peraturan larangan merokok tersebut.

Peraturan larangan merokok ini pernah dicadangkan sejak 2015 lagi ketika kaji selidik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang menunjukkan terdapat lima juta rakyat Malaysia merupakan perokok dalam kalangan umur 15 tahun ke atas. Malah, data menunjukkan 35 peratus kematian di hospital-hospital awam adalah penyakit yang berkaitan dengan asap rokok seperti jangkitan paru-paru, kanser, jantung dan lain-lain .

Menurut Pakar Sakit Dalaman dan Perubatan Respiratori Hospital Pakar KPJ Johor, Dr. Muhammad Redzwan S. Rashid Ali, asap rokok basi mengandungi kepekatan racun merbahaya yang sangat tinggi. Sesiapa yang terdedah kepada asap rokok samada secara aktif atau pasif boleh terkesan.

"Asap rokok basi memudaratkan janin dalam kandungan ibu sehingga boleh mengakibatkan keguguran, kecacatan bayi dan kelahiran bayi pramatang. Kanak-kanak yang terdedah kepada asap rokok basi mudah mendapat jangkitan telinga sementara orang dewasa akan berisiko mendapat pelbagai jenis kanser, penyakit jantung, penyakit paru-paru dan sebagainya," katanya.

Bagi mereka yang berazam untuk berhenti merokok, Dr. Muhammmad Redzwan memberitahu, terdapat dua kaedah utama rawatan berhenti merokok iaitu kaunseling untuk perubahan tingkah laku dan ubat-ubatan bagi mengawal kesan gian (*withdrawal*).

DR. MUHAMMAD REDZWAN S. RASHID ALI

Terus tingkatkan tekad yang lebih tinggi dari sebelumnya demi untuk mencapai kejayaan untuk berhenti merokok ...

KESAN BURUK

Dalam pada itu, penguatkuasaan peraturan yang membabitkan vape dan shisha yang tidak mengandungi nikotin masih dalam peringkat perbincangan. Pun begitu, Dr. Muhammad Redzwan menganggap asap vape dan shisha masih mempunyai kesan buruk terhadap kesihatan sama seperti rokok. Apatah lagi, Malaysia kini mahu mewujudkan zon bebas asap rokok.

Beliau turut menjelaskan, produk tembakau sama ada dalam bentuk shisha atau apa jua bentuk yang lain mengandungi nikotin akan menyebabkan ketagihan.

"Menghisap shisha sama sahaja seperti anda menghisap 200 batang rokok biasa. Penghisap shisha berisiko menghidap kanser paru-paru, sakit dada, kerosakan koronari jantung dan mengalami kesan sampingan akibat pengambilan nikotin secara berlebihan. Selain itu, paip shisha juga boleh mendedahkan mereka kepada penyakit yang merebak melalui air liur seperti tuberkulosis atau tibi mungkin juga pengguna shisha sebelum itu atau pihak yang berkongsi paip dengan kita mengalami batuk, selesema atau demam," jelasnya.

Dalam pada itu, vape direka untuk membantu penagih tembakau melepaskan diri dari pada merokok. Namun, penggunaan vape lebih berisiko tinggi terhadap tubuh badan manusia. Para penyelidik menyimpulkan vape tidak selamat dan tidak disyorkan sebagai gantian kepada rokok .

FAKTA

Kajian Morbiditi Kesihatan Kebangsaan yang ketiga pada 2006 menunjukkan lebih ramai wanita mengalami masalah mental (55 peratus) berbanding lelaki (45 peratus).

INFO

SESEORANG yang hendak berhenti merokok akan melalui empat fasa dan perlu melakukan beberapa tindakan seperti berikut:

Fasa 1: Berfikir untuk berhenti merokok.

Fasa 2: Persediaan untuk berhenti merokok.

Fasa 3: Berhenti merokok. Anda dicadangkan mengamal kaedah 12 'M' untuk mengatasi rasa ketagihan antaranya:

- Melambatkan masa mencari rokok atau menyalakan rokok.
- Menarik nafas panjang tiga kali secara perlahan-lahan sekiranya datang keinginan untuk merokok Minum air kosong dengan banyak dan jangan sekali-kali minum air berkafein seperti kopi atau teh kerana ia akan meningkatkan keinginan untuk merokok.

- Membuat sesuatu seperti aktiviti lain yang boleh mengalih perhatian anda daripada berfikir hendak merokok.
- Mengunyah sesuatu seperti gum, lobak merah, buah-buahan. Elakkan benda manis seperti gula-gula.
- Mandi seberapa kerap apabila didatangi keinginan merokok.
- Membasuh tangan seberapa kerap apabila didatangi keinginan merokok.
- Memohon doa untuk kuatkan azam dan usaha agar berjaya berhenti merokok.

Fasa 4: Kekal tidak merokok.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : DALAM NEGERI

Poster larangan merokok wajar disedia kerajaan

PARIT BUNTAR 5 Jan. - Kerajaan disaran mengeluarkan papan tanda larangan merokok untuk pemilik restoran dan premis makanan secara percuma bagi mengelakkan pihak tertentu mengambil kesempatan.

Peniaga di sini mendakwa kerap didatangi individu yang menjual papan tanda larangan merokok pada harga RM10 sekeping.

Seorang peniaga makanan, Zainol Mastor Ali, 56, memberitahu, dia didatangi individu yang menawarkan papan tanda larangan merokok semalam namun enggan membelinya.

"Memandangkan dijual oleh pihak yang tidak dikenali, saya tidak membelinya kerana saya tidak mahu ada pihak yang mengambil kesempatan daripada larangan merokok yang dikuatkuasakan oleh kerajaan.

"Jika perkara ini tidak dipantau, ada pihak yang mengaut keuntungan daripada penjualan papan tanda ini," katanya.

Seorang pelanggan restoran, Abdul Aziz Hamzah, 51, berkata, sepatutnya Kementerian Kesihatan memberikan secara percuma papan tanda larangan merokok kepada peniaga.

"Kenapa tiada pihak yang memantau penjualan papan tanda ini? Adalah jelas ada pihak mahu mengaut keuntungan," katanya.

Sebelum ini, Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye berkata, pihaknya tidak mempunyai wakil menjual papan tanda larangan merokok yang perlu dipamerkan di semua restoran dan premis makanan di seluruh negara berkuat kuasa 1 Januari lalu.

Kementerian hanya menetapkan spesifikasi papan tanda itu perlu berukuran sekurang-kurangnya 40x50 sentimeter.

Beliau berkata, peniaga boleh membuat papan tanda sendiri tanpa menuntut sebarang kos daripada kementerian.

Tegas beliau, kegagalan mempamerkan papan tanda itu membolehkan peniaga dikenakan denda maksimum RM3,000 sementara perokok yang melanggar peraturan boleh didenda tidak melebihi RM10,000.